

# Penjaga harta intelek



» Hafsa ulat buku, seronok bertugas di gudang ilmu

Oleh Nor Afzan Mohamad Yusof  
afzan@bh.com.my

Jawatan disandang Hafsa Mohd, 58, sebagai Ketua Pustakawan di Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), serasi dengan jiwa kerana beliau sememangnya ulat buku.

Baginya membaca buku, membuat kajian dan menyelongkar segala ilmu bagaikan suatu terapi, malah beliau boleh 'larut' dalam gedung ilmu itu.

"Saya memang suka membaca dan membuat kajian. Saya rasa seronok dengan kerja sedemikian," katanya ketika ditemui, baru-baru ini.

Hafsa menjawat jawatan sebagai Ketua Pustakawan sejak Disember 2013, sekali gus wanita pertama dilantik menduduki kerusi itu di UKM yang sebelum ini dimonopoli lelaki. Sebelum ini, beliau menjawat Timbalan Ketua Pustakawan selama tujuh tahun.

## Imbas bahan digital

"Pada asasnya, saya berperanan dalam pembangunan dan perkhidmatan sumber maklumat menerusi bahan dimiliki termasuk bahan bercetak atau digital. Saya banyak berurusan dengan pelanggan majoriti pensyarah dan pelajar dalam serta luar universiti," katanya.

Penjaga harta intelek termasuk bahan persembahan pensyarah ini, berkata buat masa ini, tugasnya sedang giat mengimbas bahan lantaran bahan digital semakin meningkat permintaannya.

Apatah lagi pada tahun ini, perpustakaan akan mence-



Hafsa (kanan) bersama Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof Datin Noor Aziah Mohd Awal di UKM, Bangi. [FOTO AZIAH AZMEE/BH]

roleh buku dalam bentuk bercetak dan digital.

## Cabaran tugasan

Hafsa berkata, pelantikan jawatan kini bukanlah suatu kejutan buat dirinya, sebaliknya disifatkan suatu kejayaan sepanjang hampir dua dekad bertugas di gudang ilmu itu.

"Pengalaman bercambah dengan pertambahan usia dan tahun berkhidmat. Sedikit sebanyak, saya sudah tahu bidang tugas sebagai Ketua Pustakawan. Bezanya sekarang, saya perlu membuat keputusan sendiri mengenai sesuatu perkara selepas dibincangkan dengan pegawai lain. Berbanding dulu, saya perlu terlebih dulu merujuk kepada Ketua Pustakawan untuk membuat sesuatu keputusan," katanya.

Kepantasan teknologi maklumat dan komunikasi antara 'makanan' perlu 'dihadam' Hafsa dalam persaingan untuk menjadi pusat rujukan terus dikunjungi pelanggan.

"Bagaimana untuk kita menarik pelanggan ke perpustakaan dalam dunia tekno-

logi maklumat dengan segala maklumat boleh dicapai tanpa berkunjung ke perpustakaan, tetapi kita tetap mahukan pelanggan terus berkunjung ke sini.

"Menangani masalah itu, perpustakaan seharusnya menjadikan teknologi maklumat dan komunikasi sebagai pemangkin untuk mempertingkatkan keceklermerlukan perkhidmatan maklumat. Antara cara kami tangani ialah menggunakan aplikasi dan media sosial dalam menyampaikan segala perkhidmatan atau maklumat terkini, katanya.

## Perlu berubah wajah

Hafsa akui, perpustakaan perlu berubah wajah seiring perubahan gaya hidup.

"Kalau dulu berada di perpustakaan mesti senyap, tetapi kini kita lebih santai,

dan banyak ruang untuk perbincangan. Pelajar banyak berbincang, jadi mereka perlukan kawasan yang boleh berbuat bisnes, namun, kita juga menyediakan beberapa lokasi sebagai ruang senyap," katanya yang turut menyatukan perpustakaan berkenaan turut menyediakan khidmat pandu laluan dan pengantaran buku ke fakulti untuk digunakan pensyarah.

Bangga dengan Perpustakaan Tun Sri Lanang, Hafsa berkata, 'kekuatan' dimiliki perpustakaan itu, ialah apabila pelanggan memberikan komen mengenai perkhidmatan mesra dan mudah untuk mendapatkan bahan di perpustakaan itu.

"Saya berbangga dengan komen seperti itu dan ia menjadikan kami lebih semangat bekerja," katanya.

## PROFIL

- Nama: Hafsa Mohd
- Asal: Buloh Kasap, Segamat, Johor
- Umur: 57 tahun
- Suami: Rahim Md Noah
- Anak: Abdur Rahman, 34, Ahmad Hafiz, 32, Nurul Huda, 29, Abdullah Hanif, 25 dan Amir Haziq, 22.

# Suka dengar pandangan anak

Komunikasi berkesan aspek paling diutamakan wanita ini. Sungguhpun ada kata-kata sumbang bahawa ibu berkerja hebat, gagal di rumah, beliau menafikannya.

Bagi Hafsa, beliau mempunyai hubungan bakaikan rakan dengan anak. Katanya, beliau suka mendengar pandangan anaknya kerana anak zaman kini bijak melontar pandangan.

"Saya selalu meminta pandangan anak untuk membuat sesuatu keputusan. Kadangkala idea mereka sangat bernas,"

katanya.

Membahagikan masa antara kerjaya dengan rumah tangga bukan mudah, tetapi Hafsa berkata, kesungguhan membantu untuk mengimbangi dua perkara itu serentak.

Antara cara dirasakan paling berkesan membina hubungan kehuarga selain berkomunikasi ialah memasak untuk keluarga.

## Air tangan ibu

Ibu kepada tujuh orang cahaya mata ini memilih untuk memasak sendiri di rumah setiap hari,

kecuali apabila ada kekangan masa atau terlalu letih.

Katanya, cara itu bukan saja lebih menjimatkan, tetapi lebih disukai suami dan anak-anak.

"Kadang-kadang, kalau saya tidak sempat masak, suami akan beli makanan dan kami akan makan di rumah. Suami tidak suka makan di kedai. Ada orang kata susah, tetapi bagi saya kalau sudah biasa, rutin itu tidak lagi kita rasa sukar. Lagipun, kita masak yang mudah saja. Yang penting, air tangan ibu," katanya.



Hafsa (tiga dari kanan) bersama ahli keluarganya dalam majlis perkahwinan baru-baru ini.